

26/02/1997

Asean perlu ada kod etika penyiaran

Efindi Badarudin

LANGKAWI, Selasa - Satu kod etika penyiaran bagi negara Asean perlu digubal untuk mempertahankan nilai dan budaya timur daripada digugat budaya barat yang menular menerusi program radio dan televisyen.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamad, berkata sudah tiba masanya pertubuhan penyiaran menetapkan kod etika bersama kerana perkembangan pesat negara dalam mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Kita perlu mengadakan kod etika bersama kerana masyarakat timur mempunyai persamaan budaya dan nilai yang menjadi teras kekuatan rakyat Asean," katanya selepas merasmikan Persidangan Penyiaran Asean, di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), di sini, hari ini.

Menurutnya, nilai budaya barat boleh merosakkan akhlak dan moral kerana mempunyai banyak perbezaan serta jurang pemisahan dalam pelbagai perkara.

"Justeru, kita perlu mempertahankan budaya kita daripada terus diserang nilai dan budaya barat yang tidak sesuai serta merosakkan akhlak generasi muda," katanya.

Mengenai cadangan Persatuan Penyiar Kebangsaan (Penyiar) menubuhkan Persekutuan Penyiar Asean, Suleiman berkata, ia sepatutnya sudah lama ditubuh dan dilaksanakan kerana Asean yang wujud sejak dahulu harus mengadakan satu persekutuan sebagai pemangkin kepada MSC menerusi kerjasama sektor penyiaran awam dan swasta.

Beliau juga berkata, setakat ini, kerjasama kerajaan dengan kerajaan negara Asean dalam sektor ini sudah wujud, dan tidak di kalangan badan penyiaran.

Berhubung usaha Kementerian Penerangan membanteras gejala sosial, Suleiman berkata, kementerian berkenaan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kemas akan bekerjasama untuk mengatasi masalah itu.

Bagi tujuan itu, satu perhimpunan dengan kerjasama Biro Penerangan Umno akan diadakan Mei ini membabitkan kira-kira 3,000 peserta. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikannya.

Sementara itu, Presiden Penyiar, Ismail Mustafa berkata, kerjasama dan gandingan antara penyiar serantau akan dapat membantu pelaksanaan program yang lebih mantap.

Menurutnya, latihan bersama melalui pertukaran petugas memberi peluang mereka yang dalam penyiaran menimba pengalaman.

(END)